

TARIKH	29 / 04 / 2014	SEKSYEN	GLOBAL
MUKA SURAT	54	RUANGAN	

102 maut akibat Mers di Saudi

JEDDAH - Seramai lapan lagi pesakit dilaporkan meninggal dunia akibat jangkitan virus Sindrom Pernafasan Timur Tengah (Mers), sekali gus menjadikan angka kematian kini mencecah 102 orang di Arab Saudi.

Jurucakap Kementerian Kesihatan memaklumkan seorang bayi berumur sembilan

bulan merupakan korban terbaharu Mers.

Difahamkan, jumlah jangkitan Mers di Saudi meningkat kepada 339 kes selepas virus korona itu dikenal pasti pada April 2012.

Penularan virus itu telah mencetuskan panik hingga memaksa unit kecemasan di bandar barat Jeddah ditutup, awal bulan lalu. - *AFP*